

Program penerangan perjelas kritikan Dr M

PUTRAJAYA: Pergerakan Pemuda Umno menyokong program penerangan seluruh negara bagi memperjelaskan kepada ahli parti mengenai kritikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ketua Pemuda, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata Pemuda Umno bagaimanapun membantah jika program itu berkisar polemik politik bagi melaga-lagakan kedua-dua pemimpin serta menimbulkan masalah kepada parti.

"Siri penerangan bergerak bukan saja dilakukan Umno, malah kementerian juga turun ke negeri untuk menerangkan agenda pendidikan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Jika itu kaedahnya supaya orang ramai tahu apa yang kita rancangkan secara telus dan tiada agenda tersembunyi dengan jumlah peruntukan

diharap sampai ke kumpulan sasaran, saya setuju," katanya selepas menghadiri majlis Menjunjung Budi Guru Pedalaman di sini, semalam.

Hishammuddin berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan Umno mengadakan program penerangan ke seluruh negara bagi memperjelaskan kepada ahli mengenai isu itu.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dilaporkan berkata, program penerangan itu akan membabitkan pemimpin peringkat Pusat turun ke akar umbi bagi memberi penjelasan kepada ahli parti.

Muhammad dilaporkan berkata, Umno juga merancang mempelawa pemimpin parti itu dari seluruh negara berhimpun di Kuala Lumpur untuk diberi penjelasan apa yang berlaku.

Beliau berkata, Pemuda Umno mahu semua pihak terus melihat ke depan selepas apa yang perlu diluahkan atau pendirian yang ingin dibuat berhubung isu kritikan Dr Mahathir, sudah dibuat.

"Sama ada persepsi wujud berhubung kait dengan pertelingkahan dan isu tertentu, jika terus jawab-menjawab ia tidak akan selesai.

"Terserahlah kepada pihak berkenaan yang ada fakta dan boleh menjawab serta pihak yang boleh membantu untuk berhubung dan menjawab apa yang perlu dijawab," katanya.

Hishammuddin berharap kebijaksanaan, ketabahan, kesabaran dan kepemimpinanlah dapat membantu meredakan keadaan.

"Sebab itu, saya tidak mahu melihat lagi polemik yang wujud dari persepsi dan isu yang dibangkitkan di khalayak... itu tidak sihat," katanya.